

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS  
PADA HARI SELASA, 21 MAC 2023, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN**

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)  
SOALAN 1 (A98)**

Kepadatan penduduk di Taman Nusantara telah meningkat beberapa tahun ini dan akan terus meningkat pada tahun-tahun mendatang. Apakah ada rancangan pihak kementerian dan kerajaan negeri untuk menambah bilangan sekolah kebangsaan di dalam kawasan tersebut bagi memenuhi keperluan yang mendesak sekarang?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)  
SOALAN 2 (A61)**

Apakah tindakan pihak berkuasa berikutan aduan daripada pihak nelayan berkenaan penggunaan pukut tunda yang mengganggu aktiviti nelayan-nelayan kecil di perairan Muar?

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)  
SOALAN 3 (A19)**

Apakah Pengangkutan Awam Johor (PAJ) bersedia untuk mengkaji semula masa dan laluan Bas Muafakat Johor di PBT Labis bagi membolehkan perkhidmatan tersebut dimanfaatkan oleh pelajar berikutan tiada perkhidmatan bas sekolah di beberapa penempatan penduduk.

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)  
SOALAN 4 (A50)**

Apakah bantuan yang disediakan bagi pertubuhan-pertubuhan yang sedang mengusahakan sektor pelancongan di tempatan?

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 5 (A168)**

Minta dinyatakan apakah jenis pelaburan baharu yang telah diterima negeri Johor setakat ini dengan pecahan-pecahan mengikut sektor dan jumlah pelaburannya.

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**  
**SOALAN 6 (A222)**

Program Duta Perpaduan Johor telah dijalankan tahun lalu, apakah sebenarnya peranan Duta Perpaduan dan apakah impaknya kepada masyarakat serta perancangan kerajaan negeri untuk memastikan program ini memberi impak kepada Bangsa Johor?

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**  
**SOALAN 7 (A33)**

Penerimaan peguam syarie di Johor setiap tahun amatlah sedikit sedangkan permohonan yang diterima begitu ramai. Oleh yang demikian, apakah ciri khusus yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor dalam melahirkan lebih ramai peguam syarie di Negeri Johor?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 8 (A59)**

Apakah status terkini rumah kos rendah dan kos sederhana serta rumah kedai yang terbengkalai di Taman Parit Unas Laut, Jalan Abdul Rahman?

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**  
**SOALAN 9 (A147)**

Nyatakan jenis-jenis bantuan berbentuk sokongan moral dan mental yang ditawarkan oleh kerajaan kepada mereka yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga dan apakah bentuk perlindungan yang diberikan kepada mereka?

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**  
**SOALAN 10 (A126)**

Minta nyatakan usaha kerajaan negeri untuk mengatasi masalah banjir di Taman Tampoi Indah.

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**

**SOALAN 11 (A64)**

Berapakah peratus terkini penduduk di DUN Tiram yang telah mengambil dos penggalak yang kedua? Apakah usaha kerajaan negeri untuk menggalakkan usaha mendapatkan dos penggalak di kalangan Bangsa Johor?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**

**SOALAN 12 (A118)**

Bas Muafakat Johor merupakan inisiatif Kerajaan Johor untuk mengurangkan beban rakyat dengan menyediakan pengangkutan awam percuma, selesa dan berkesan. Adakah kerajaan bercadang meluaskan laluan perjalanannya contohnya di laluan utama Muar-Yong Peng agar turut dimanfaatkan oleh penduduk setempat selain mengurangkan kesesakan lalu lintas?

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 13 (A156)**

Adakah kerajaan mempunyai sebarang perancangan bagi memajukan sektor pelancongan khusus di kawasan Pekan Nanas.

**YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (SIMPANG JERAM)**

**SOALAN 14 (A32)**

Minta menyatakan sekiranya terdapat usaha mereformasikan tatacara prosiding pelantikan peguam ditandatangani oleh peguam syariah dan anakguam sahaja tanpa ditandatangani di hadapan Pendaftar seperti yang diamalkan di negeri Selangor sekarang.

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**

**SOALAN 15 (A107)**

Apakah perancangan kerajaan dalam mengatasi kesesakan dari arah Bandar Tiram/Bandar Cemerlang menuju Pusat Bandar yang sesak teruk pada waktu puncak terutama di kawasan Taman Desa Cemerlang / Tmn Desa Jaya?

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)**

**SOALAN 16 (A18)**

Apakah kerajaan negeri mempunyai sebarang cadangan untuk menyediakan penempatan baharu kepada penduduk (B40) di Kampung Paya Merah Lama, Labis yang terjejas teruk setiap kali berlakunya bencana banjir.

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**

**SOALAN 17 (A68)**

Berapakah jumlah penerima manfaat program i-Berkat dan bagaimanakah kaedah penyampaian bantuan tersebut?

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**  
**SOALAN 18 (A44)**

Demi memastikan bekalan ketam dan udang galah yang lestari, adakah kerajaan akan menetapkan berat minima ketam/udang galah yang boleh ditangkap?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**  
**SOALAN 19 (A121)**

Demi keselamatan orang ramai serta bagi mengelakkan tragedi remaja lemas ketika bermain air di Jambatan Sungai Sarang Buaya berulang, Adakah sebarang langkah diambil oleh pihak JPS seperti meneliti semula rekabentuk contohnya mewajibkan pemasangan pagar besi di kiri kanan jambatan kampung?

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**  
**SOALAN 20 (A99)**

Di Taman Pulau Indah terdapat hanya sebuah Sekolah Agama sahaja. Namun tidak dapat menampung bilangan murid yang bertambah setiap tahun. Apakah tindakan untuk mengatasi kesesakan pelajar yang bertambah ini sehingga ditempatkan di dewan terbuka dan kaki lima sekolah?

**YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)**  
**SOALAN 21 (A111)**

Bilakah konsesi berkenaan isu parit, tanah dan rumput di kawasan kampung yang tidak diselenggara dengan baik akan dilaksanakan memandangkan sekarang musim hujan tidak menentu dan sistem perparitan memainkan peranan yang penting untuk mengatasi masalah banjir terutama di kampung-kampung.

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**  
**SOALAN 22 (A154)**

Adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan bagi mewujudkan sebuah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) di daerah Pontian seperti yang ada di daerah Muar, Batu Pahat dan Johor Bahru.

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 23 (A167)**

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk membantu dan memberdaya Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai kutipan hasil terhad.

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**  
**SOALAN 24 (A184)**

Adakah kawasan Kempas termasuk dalam Teras ke-4 dengan peruntukan sebanyak RM691.45 juta melalui Bajet 2023 Johor, memandangkan keadaan jalan dan perparitan di Kempas yang tidak dinaik taraf sewajarnya sedangkan kawasan Kempas terlalu dekat dengan pusat bandaraya.

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**  
**SOALAN 25 (A181)**

Bagi mengelak tragedi seperti runtuh tanah Batang Kali berlaku lagi, apakah status pemulihan kawasan dan keadaan keselamatan Gunung Lambak yang sebelum ini telah diteroka dan kawasan gunung lambak yang berada di Jalan Kiara 1?

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**  
**SOALAN 26 (A219)**

Adakah kerajaan bercadang untuk membangunkan kampung-kampung kecil di sekeliling kawasan perindustrian seperti di Tanjung Bin Power dan Perindustrian Tropicana untuk memastikan kawasan sekitar mendapat manfaat daripada limpahan ekonomi supaya kampung tersebut tidak ketinggalan dari arus kemajuan.

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 27 (A58)**

Status Stadium Muar setelah siap dibina, adakah boleh digunakan kepada orang awam, pihak sekolah dan pihak swasta? Berapakah kos pembinaan keseluruhan stadium tersebut?

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**  
**SOALAN 28 (A124)**

Nyatakan kemajuan terkini projek naik taraf Pasar Awam Perling yang sebelum ini dijangka siap pada akhir tahun 2022.

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 29 (A175)**

Adakah terdapat kajian atau laporan yang dibuat berkenaan dengan keberkesanan pelaksanaan KRMJ?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**  
**SOALAN 30 (A200)**

Apakah status terkini projek pembinaan Jalan Kampung Rahmat dan berapakah tambahan kos dari kos asal untuk menyempurnakan projek tersebut?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**

**SOALAN 31 (A198)**

Jelaskan mengenai langkah-langkah serta tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Johor untuk mengurangkan dan menghapuskan kesan buruk penggunaan bahan kimia dan pelepasan sisa industri terhadap alam sekitar?

**YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)**

**SOALAN 32 (A192)**

Mohon nyatakan pelaburan baharu di kawasan Pengerang yang telah dan sedang dirangka oleh Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan ekonomi negeri dan juga peluang pekerjaan buat anak-anak tempatan.

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 33 (A81)**

Berapakah jumlah kanak-kanak yang dikenal pasti sebagai kanak-kanak autisme di negeri Johor?

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**

**SOALAN 34 (A38)**

Objektif Projek Komuniti di Hati bertujuan untuk membasmi kemiskinan, bagaimana ianya akan dilaksanakan dan apakah kriteria yang perlu ada pada penerima?

**YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)**

**SOALAN 35 (A190)**

Apakah usaha kerajaan untuk memperkasa bidang TVET khususnya untuk anak-anak bangsa johor supaya mereka mampu memenuhi keperluan industri di projek-projek mega di negeri Johor seperti RAPID Pengerang, projek Keretapi Api Berkelajuan Tinggi (HRS), Sistem Transit Rapid (RTS) dan lain-lain lagi.

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**

**SOALAN 36 (A71)**

Pihak Tenaga Nasional Berhad sekarang ini sedang menjalankan operasi menukar meter baru pada premis-premis di dalam DUN Bekok walaupun pemilik premis tiada di rumah, adakah tindakan ini sah dari segi undang-undang?

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**

**SOALAN 37 (A75)**

Berapakah peruntukan atau bantuan yang telah disalurkan kepada Usahawan-usahawan OKU-OKU yang ingin memulakan perniagaan atau telah menjalankan perniagaan sepanjang tahun 2022? Adakah sebarang

bantuan khusus kepada golongan ini pada tahun 2023 yang boleh dimohon oleh mereka?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**  
**SOALAN 38 (A77)**

Berapakah jumlah permohonan Geran Usahawan Bangsa Johor 2023 yang telah diterima dan bilangan permohonan yang berjaya mengikut setiap kategori?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**  
**SOALAN 39 (A48)**

Adakah kerajaan Johor bercadang untuk menambahkan lagi Geran Usahawan Bangsa Johor supaya inisiatif ini dapat membantu lebih ramai usahawan?

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)**  
**SOALAN 40 (A117)**

Baru-baru ini dilihat YAB Menteri Besar ada menjalankan aktiviti gotong-royong sebagai salah satu inisiatif bagi mencapai agenda Johor Bersih. Boleh YAB kongsi bersama Ahli Dewan, tahap penerimaan komuniti terhadap program ini dan apakah langkah kerajaan bagi memastikan agenda ini berjaya dicapai?

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)**  
**SOALAN 41 (A136)**

Saya tertarik dengan inisiatif yang dijalankan oleh YAB MB tentang Johor Bersih khususnya aktiviti mingguan gotong royong yang diterajui MB sendiri. Soalan saya, apakah langkah yang digerakkan oleh kerajaan negeri dalam menjayakan agenda ini disemua peringkat termasuk EXCO serta PBT?

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**  
**SOALAN 42 (A63)**

Apakah hala tuju dan perkembangan ekonomi Negeri Johor pada 2023 selepas kejayaan membawa pelaburan tertinggi pada tahun 2022?

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**  
**SOALAN 43 (A129)**

Nyatakan secara terperinci prestasi ekonomi negeri Johor bagi tahun 2018-2022 dan faktor-faktor serta sebab-sebab prestasi tersebut.

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 44 (A166)**

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk meningkatkan taraf ekonomi rakyat di daerah-daerah yang mempunyai tahap kemiskinan tertinggi seperti Mersing contohnya.

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**  
**SOALAN 45 (A95)**

Pada masa ini, kerajaan Malaysia mengenakan caj Permit Kemasukan Kenderaan (VEP) pendaftaran asing dari Singapura sebanyak RM20. Dengan tukaran mata wang Malaysia rendah berbanding Singapura, ada atau tidak hasrat kerajaan menaikkan kadar bagi mengukuh nilai kutipan hasil kerajaan pusat dan negeri?

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**  
**SOALAN 46 (A132)**

Adakah kerajaan negeri mempunyai pelan untuk memberi skim insurans kepada mangsa-mangsa bencana alam yang sering mengalami kerugian harta benda?

**4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

-----  
-----  
----- ( PERBAHASAN ) -----  
-----  
-----

**Persidangan ditangguhkan sehingga hari Rabu, 22 Mac 2023, jam 9.30 pagi.**